



# MEMBINA SEMULA HARAPAN MALAYSIA



NOR MISWARY RAMLI





# Membina Semula Harapan Malaysia

Nor Miswary Ramli



PUSTAKA PERDANA



1013276

Phoenix Press

Cetakan pertama, Ogos 2022

Hak karya @Nor Miswary Ramli

Hak penerbitan @Phoenix Press

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

ISBN: 8 967 - 004 - 0189

**Diterbitkan oleh:**

The Biblio Press Enterprise  
G-22, Menara Mutiara Majestic,  
15, Jalan Othman,  
46000, Petaling Jaya,  
Selangor.

**Hubungi:**

☎ 014-9470499  
✉ penerbitan@thebibliopress.com  
🌐 thebibliopress.com  
📘 The Biblio Press  
📷 @bibliopress  
🐦 @bibliopress

Penyelaras Penerbitan: Kiridaren Jayakumar

Penyunting: Alif Basri

Pembaca pruf: Ahmad Khushairi

Pereka sampul: Eyqa Zaque

Pereka letak dan atur huruf: Fitri Sahari

**Dicetak oleh:**

Firdaus Press Sdn. Bhd.,  
28, Jalan PBS 14/4,  
Taman Perindustrian Bukit Serdang,  
43300, Seri Kembangan,  
Selangor Darul Ehsan.

# Kandungan

<i>Dedikasi</i>	<i>ix</i>	
<i>Penghargaan</i>	<i>xi</i>	
1	Bagaimana kita boleh memenangi PRU15?	1
2	“Jangan panggil saya YB. Panggil saya Chin Tong”	5
3	Salahkan DAP jalan paling selamat bagi PAS	8
4	Kita bermula dari Selatan	13
5	Menyatukan perbezaan orang lama dan orang muda	20
6	Penduduk Kg. Pulau Tiga kecewa, dakwa MB Kedah lepas tangan	23
7	Pilihlah jalan sederhana dan bersikap sederhana	27
8	Wakil-wakil DAP terus aktif santuni masyarakat	32
9	PRN Melaka: Satu pandangan	34
10	Membela mereka yang miskin adalah akhlak Nabi Muhammad SAW	38
11	Ismail Sabri terlepas peluang untuk lakukan perubahan	42
12	Berjiwa besar untuk “Khemah Besar”	50
13	Teladani sejarah mereka yang jujur berpolitik	55
14	Rakyat sudah sedar sikap sebenar ahli politik atas nama agama	59
15	Laporan polis terhadap artikel Abdul Hadi	64
16	Inilah kisah DAP saya - Nor Miswary Ramli	66
17	Apa langkah PH selepas ini?	72
18	Norma Baharu - Ibu Bapa juga perlu belajar menyesuaikan diri	77



19	Mahkota “PM terburuk” cuma bertukar tangan	81
20	Isu kartel daging hakis keyakinan rakyat terhadap kerajaan	86
21	PN bukan retak menanti belah tapi sudah terpecah-belah	88
22	Mulakan dengan kaki kanan melangkah tahun 2021	92
23	Bagaimana jika PH mentadbir semula esok?	96
24	Media wajar diberi penghargaan lapor kebenaran	100
25	Orang muda harus menonjol, bukan minta ditonjolkan	103
26	Pelarasan semula atau penstrukturan semula?	106
27	WARISAN Plus catat prestasi membanggakan	109
28	Shafie Apdal tak mungkin kalah, WARISAN Plus tak mustahil menang bergaya	112
29	Persenda golongan memerlukan: MB Kedah digesa mohon maaf	114
30	Kita harus belajar hidup bersama semula	116
31	Wan Fayhsal gagal faham aspirasi orang muda	121
32	Tidak semua OKU terima bantuan tunai <i>one-off</i> ?	123
33	Garis panduan asingkan anak <i>frontliners</i> satu diskriminasi, perlu ditarik balik	125
34	COVID-19: Kerajaan PN gagal persiapkan rakyat hadapi Syawal	127
35	Malaysia bangkit: PH perlu dakap agenda rakyat	129
36	Melancarkan semula PH, memperbaharui semula tekad	134
37	Persediaan rakyat sambut Aidilfitri: Apa perancangan kerajaan PN?	138
38	Pemisahan parti dalam berkerajaan	140
39	Wanita bukan hamba lelaki, isteri bukan hamba suami	144

40	Tak kira bangsa, kita semua anak Malaysia	147
41	Yang menang tulis sejarah, yang kalah lompat parti	150
42	Apa sebenarnya erti PRU14?	155
43	Menghidu tanggapan Hadi Awang	161
44	Peluang mencipta sejarah teragung	166
45	Nak menang atau nak undi rosak?	170
46	Azam 2018: Nurul Izzah Perdana Menteri Malaysia	176
47	Rakyat penyelamat, bukan Dr. Mahathir	182
48	Menjadi sahabat Hannah Yeoh	190
49	Isu ketua menteri Melayu: P. Pinang sudah cipta sejarah	194
50	Setiap undi untuk PAS sebenarnya menangkan UMNO	202
51	HARAPAN tanpa Mahathir	205
52	Lebih baik tiga nakhoda, daripada duduk dalam kapal karam	210
53	Menyatukan dengan slogan	215
54	Hannah Yeoh di mata saya	219
55	Berita yang sangat dinanti-nantikan	222
56	Membina semula Bangsa Malaysia	227
57	Ahok kalah, Islam menang?	234
58	Azwanbro sebenarnya sindir Najib Razak, <i>kan?</i>	237
59	Pemuda DAP: Semoga Hadi banyak beristighfar	243
60	“Pelakon” terkenal Malaysia bertemu Rajinikanth	243
61	Sudah sampai masa, PAS juga perlu ditewaskan	250
62	Najib mungkin kekal di Pekan, tapi Putrajaya?	259
63	DAP dan hasil kerja dakwahnya	265
64	Rakyat terjun jambatan kerana pemerintah zalim	269
65	Bagaimana kita harus menanggapi parti baru Mahathir?	274



66	Merangka politik pascapilihan raya Sarawak 2016	281
67	Tak perlu jenamakan semula tapi mansuhkan kerana BTN suburkan perkauman	268
68	UMNO tak boleh dimaafkan, takkan “taubat” selagi rakyat tak hukum	289
69	Himpunan baju merah yang disokong Najib jadi medan kutuk kaum bukan Melayu	291
70	Fitnah UMNO semakin tak masuk akal, kata aktivis muda DAP	293
71	Politik merit lawan politik etnosentrik	297
72	Membina negara Bangsa Malaysia	301
73	Krisis Selangor kepada anak muda	305
74	Wanita sebagai pemimpin?	309
75	Senjata makan tuan	312

## *Dedikasi*

*Untuk Siti Azura Hashim,  
isteriku yang aku cintai sepenuh jiwa.*


*Buat Mama dan Abah,  
ini demi kalian berdua.*





# *Penghargaan*

*Hannah Yeoh dan Team Segambut*



## 01.

### Bagaimana kita boleh memenangi PRU15?

**S**ejak beberapa bulan lepas sebelum umat Islam mula berpuasa, tidak sedikit yang membuat telahan bahawa Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) bakal diadakan tidak lama lagi. Ada yang menjangkakan PRU15 akan diadakan seurus selepas tamatnya Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik di antara Kerajaan Persekutuan dan Pakatan Harapan pada 31 Julai ini.

Malah terdapat beberapa kerat pemimpin UMNO yang mencadangkan lebih awal daripada itu. Semua ini tentunya lahir hasil siri kemenangan Barisan Nasional (BN) dalam beberapa Pilihan Raya Negeri (PRN) sebelum ini dan sesiapa sahaja boleh memahami reaksi dan sentimen ini. Walaupun UMNO sendiri tidak berani berdepan dengan ahli-ahlinya sehingga sanggup menangguhkan pemilihan parti kepada enam bulan selepas PRU atau dalam jangka masa enam bulan, tetapi mereka bersungguh-sungguh pula mendesak untuk PRU15.

PRU15 bukanlah medan untuk menguji kekuatan. PRU15 adalah medan di mana kekuatan, kebijaksanaan, dan strategi dipertaruhkan semahunya. Medan ujian sepatutnya dilakukan di lapang sasar berbulan-bulan lamanya sebelum ini. Bukan hari ini. Bukan ketika “peperangan” sedang meletus. Bukan semasa PRU15.

Selepas dijatuhkan melalui “Langkah Sheraton” dan kegagalan Pakatan Harapan dalam beberapa PRN sebelum ini, rakyat kerap bertanya: apakah masih ada harapan buat mereka? Atau, adakah mereka perlu kembali sahaja kepada status quo – mengundi BN dan telan segala kebejatan yang dilakukan oleh BN kerana Pakatan Harapan pun sudah tidak mampu lagi memberi dan menjanjikan mereka harapan?

Kita mesti masuk PRU15 dengan memikul harapan rakyat untuk menang dan menjadi kerajaan. Hanya ini sahajalah yang akan mendorong rakyat turun menggembleng kudrat mereka yang berbaki, berkorban sejumlah kecil wang ringgit, masa dan semangat mereka. Kita wajar duduk di kerusi pemandu untuk memandu semangat mereka ini.

Harapan mereka yang paling utama ialah kita benar-benar empati, memahami, dan dapat menangani isu ekonomi yang membelenggu kehidupan seharian mereka. Kemiskinan kampung dan bandar, infrastruktur asas di kampung dan pekan kecil, keperluan petani dan nelayan ketika waktu sukar, soal pekerjaan, tempat tinggal anak muda dan pasangan muda,

keselamatan keluarga dan makan pakai mereka serta pelbagai senarai panjang lain, wajib menjadi panduan bagaimana kita harus memasuki PRU15 yang akan datang. Kita mesti mengurangkan layanan kelas tinggi ke atas saudagar-saudagar kaya atau golongan yang “berjuang” untuk kepentingan dan kelompok sendiri, sedang mereka ini berada di kedudukan yang jauh lebih selesa berbanding apa yang kita hadapi sehari-hari. “Perubahan” yang dituntut golongan ini kadang-kadang tidak akan mengubah apa-apa yang ditanggung oleh rakyat marhaen.

Penyelesaian kepada masalah kemiskinan rakyat dan kelangsungan hidup mereka wajar menjadi tawaran teragung dalam PRU15 nanti. Kemiskinan dan kesan buruk daripadanya tidak boleh diselesaikan dengan bakul makanan dan program bantuan tunai semata-mata. Keseluruhan sistem menangani masalah kemiskinan wajar dirombak seluruhnya serta menawarkan sesuatu yang lebih baik dan praktikal bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dilakukan oleh Pakatan Harapan. Malah ia dituntut untuk disegerakan, dan melalui kemenangan dalam PRU15 sahajalah ia mampu untuk direalisasikan.

Rakyat tidak berhutang dengan kita. Kita yang sebenarnya berhutang dengan mereka. Strategi yang berkesan tidak ditentukan oleh apa yang dilihat orang dari luar khemah. Namun, janganlah menjadikan “khemah besar” sebagai alasan untuk melonggok semua yang buruk-buruk di bawahnya. Khemah besar ini bukan tempat pengkhianat berteduh ketika ribut melanda. Janganlah kita menjadi naif sehingga tidak sedar

keputusan tersebut menjadi punca mengapa kita tewas teruk, bukan sahaja di peti undi malah di mata rakyat. Menerima mereka yang telah melakukan pengkhianatan bukan petanda kita ini berjiwa besar. Ia hanyalah strategi mengundang petaka yang jauh lebih besar.

Rakyat masih dan amat memerlukan motivasi. Membayangkan kita akan kalah sehingga dua kali PRU akan datang hanyalah satu tindakan melemahkan semangat mereka. Sebagai bandingan, jika dalam sesebuah perlawanan bola sepak misalnya, di atas kertas mungkin pasukan kita telah pun tewas. Namun untuk memasuki gelanggang sebagai anak jantan, menghapus rasa tidak yakin para pemain dan membangunkan kemahuan untuk berhempas-pulas sehingga ke wisel penamat, ia memerlukan motivasi yang sangat tinggi. Saya tahu benar ini, kerana saya juga bekas pemain bola sepak dan pernah mengetuai pasukan saya yang masuk gelanggang menewaskan pasukan tersohor dan paling kuat hanya dengan motivasi yang tinggi di bilik persalinan dan gema sorakan penyokong di tepi gelanggang.

Mungkin permainan politik tidak sama seperti permainan bola sepak di atas padang selama 90 minit, namun ia juga tidaklah jauh berbeza. Kesaktian boleh berlaku dalam politik. Percayalah.

## 02.

### “Jangan panggil saya YB. Panggil saya Chin Tong”

**S**ukar membayangkan pilihan raya negeri (PRN) demi pilihan raya negeri terpaksa diadakan selepas tamatnya PRN di Johor nanti. Buat para sukarelawan kempen, penatnya bukan kepalang. Tetapi yang lebih “penat” sebenarnya adalah rakyat. Rakyat tidak boleh dilayan sebegitu rupa lagi.

Menjelang minggu akhir dan hari-hari berbaki sebelum hari pengundian pada 12 Mac nanti, saya merasakan rakyat Johor telah pun bersedia. *Mood* rakyat Johor untuk menghentikan kerakusan mereka yang mahu menggunakan politik sebagai alat untuk terus berkuasa, merampok harta, mempersendakan mandat, dan sewenang-wenangnya menyalahgunakan peraturan yang mereka sendiri gubal. Di mana-mana sahaja di Johor ini, terutama sekali di DUN N.46 Perling, bahangnya boleh dirasai dengan begitu dekat sekali.

Saya tidaklah mahu mengukur kemenangan Chin Tong hanya berdasarkan permintaan untuk bergambar, memakai baju dan topi di mana-mana sahaja kami pergi, atau penerimaan

kami di kawasan-kawasan hitam yang telah kami sampai, tetapi minat mereka untuk mengenali Chin Tong secara peribadi dan lebih dekat dilihat begitu *real*. Mereka begitu berminat untuk mendengar idea-idea Chin Tong mengenai ekonomi dan masa depan negeri Johor dan DUN Perling.

Dalam mana-mana pertemuan Chin Tong bersama penduduk, minat dan keterujaan pengundi untuk mengenali dengan lebih dekat mantan Timbalan Menteri Pertahanan ini tidaklah dibuat-buat. Jujur, mereka mahu tahu siapa Liew Chin Tong. Jelajah dari kampung ke kampung, bertemu hampir setiap wakil kampung dan para penduduk, secara berkumpulan mahupun secara individu, baik tua atau muda, lelaki atau wanita, peniaga kecil sehinggalah golongan profesional – semuanya boleh mengesahkan perkara ini.

Chin Tong sentiasa tekun mengambil nota, mendengar, menerima, dan bertukar pandangannya serta menyimpulkan hasrat besar mereka dengan kesungguhannya seperti biasa. Keterbukaan Chin Tong menerima pandangan yang berbeza menjadi pesona beliau di hadapan pengundi. Tidak keterlaluan untuk disebutkan di sini bahawa pengundi Perling telah bersedia untuk menjadi teladan kepada negeri lain, bagaimana BN dan PN akan ditundukkan.

Selalu dibisikkan kepada saya setiap kali di hujung pertemuan kami dengan penduduk, ialah bagaimana sikap rendah diri dan kesederhanaan Chin Tong menambat hati

nurani mereka. Mereka hairan mendengar Chin Tong berulang kali mengingatkan agar jangan memanggil beliau dengan gelaran “Yang Berhormat” namun kerap berpesan: “Panggil saya Chin Tong”.

Sebagaimana yang pernah saya tulis sebelum ini, saya mahu nyatakan sekali lagi bahawa Bangsa Johor adalah bangsa bermaruah. Memberikan kemenangan mudah kepada BN mahupun PN yang sama-sama menjadi kerajaan di peringkat persekutuan hanyalah membuka laluan kepada PRN di negeri-negeri lain. Orang Johor tahu, kali ini mereka akan jadi penentu. Andai kemenangan menjadi milik Barisan Nasional, desakan untuk mengadakan PRN di negeri-negeri lain tidak lagi dapat dielakkan. Negeri Kedah dan Perak akan berdepan risiko seperti Melaka dan Johor.

Bangsa Johor tahu mereka wajib menghentikan segala karut-marut ini. Menewaskan Barisan Nasional dan sekutu mereka – Perikatan Nasional – sudah menjadi kerja terbesar orang Johor dalam PRN ini. Ia akan jadi penentu hidup mati sebuah parti yang korup dan yang masih meraikan mereka yang telah pun dijatuhi hukuman bersalah oleh mahkamah. Rakyat Johor percaya semua ini perlu dihentikan.

"Sesebuah penulisan seharusnya dapat mengundang keterbukaan, membuka ruang perbahasan atau sekurang-kurangnya boleh mengolah persetujuan. Menulis bukan sekadar mahu mencetak pandangan atau meluahkan kritikan semata-mata, ianya melangkaui semua itu.

Buku ini adalah cubaan saya untuk membentuk dan mempertajamkan pemikiran yang semoga hasilnya dapat memberi manfaat kepada khalayak – tidak kira dalam bentuk kesan fizikal, mempengaruhi emosi, membasuh semangat dan menggerakkan sekecil-kecil tindakan. Saya tidak mempunyai latar belakang pendidikan yang khusus dalam bidang penulisan mahupun politik.

Namun, dengan pengalaman yang sedikit selama 10 tahun dalam politik telah menghasilkan buku yang mengumpulkan artikel tulisan saya, kenyataan media dan laporan berita membabitkan saya yang pernah diterbitkan di beberapa buah portal berita dalam talian. Koleksi dalam buku ini adalah rakaman sejarah sepanjang tempoh tersebut dan saya terjemahkannya ke atas kertas menerusi sudut pandang sendiri yang mungkin berbeza daripada mereka yang lain."



**Nor Miswary Ramli** merupakan Setiausaha Politik kepada Hannah Yeoh, Ahli Parlimen Segambut. Pernah berkhidmat sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semasa pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan pada tahun 2018-2020. Beliau dilahirkan di Perak Darul Ridzuan, membesar di Pekan Langgar, Kedah Darul Aman serta mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Langgar dan kemudiannya ke Sekolah Menengah Dato' Syed Omar, Alor Setar. Beliau merupakan ahli seumur hidup Parti Tindakan Demokratik (DAP) sejak tahun 2012. Graduan bidang Pengurusan Hartanah daripada Universiti Teknologi MARA ini merupakan anak kedua daripada dua orang adik-beradik dan telah mendirikan rumahtangga.



**PHOENIX  
PRESS**

**RM35**

ISBN 978-967-0040-18-9



9 789670 040189



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA